

10 NOV 2003

ABDULLAH-DASAR

SAYA AKAN TERUSKAN SEGALA DASAR BAIK, KATA PM

KUALA LUMPUR, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata bahawa beliau akan meneruskan segala dasar baik yang telah digubal dan dilaksanakan oleh pemimpin terdahulu.

Dasar ekonomi negara yang terbukti berjaya akan terus menjadi teras kepada langkah strategik bagi membawa negara ke mercu kejayaan mencapai Wawasan 2020, kata Abdullah, yang juga Menteri Kewangan, ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2004) di Dewan Negara, hari ini.

Abdullah menjadi Perdana Menteri Kelima Malaysia setelah mengambil alih tugas itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

"Saya sedar bahawa tanggungjawab memegang pucuk kepimpinan negara amatlah berat dan sangat mencabar. Syukur Alhamdulillah, saya telah diamanahkan untuk memimpin sebuah negara yang telah mengecapi kemajuan cemerlang."

"Namun, kita perlu terus mengorak langkah untuk membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang, lebih gemilang dan lebih terbilang," kata beliau dalam ucapannya setebal 33 muka surat.

Bagaimanapun, Abdullah berkata, ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan, kerjasama dan persefahaman erat semua pihak sama ada ahli Yang Berhormat, pentabdir, pihak swasta, para pekerja dan petani, malahan setiap rakyat Malaysia.

"Sekali lagi ingin saya nyatakan harapan saya supaya bekerjalah, bukan untuk saya tetapi bersama saya untuk memajukan lagi negara," tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, untuk mencapai kejayaan seterusnya rakyat mesti sanggup berdepan dengan segala cabaran dan berani membuat anjakan strategik bagi bukan sekadar mempertahankan kejayaan dan kemakmuran, malahan menggandakan kemajuan dan kesejahteraan negara.

"Kita mesti sentiasa bertindak tangkas serta cekap dan gigih dalam merealisasikan aspirasi dan mencapai Wawasan Negara.

"Kita juga mesti sanggup berkorban, mengenyepikan kepentingan diri, sentiasa cekap dan amanah serta memupuk keharmonian dan toleransi bagi mewujudkan semangat kerjasama dan mengeratkan perpaduan demi meningkatkan maruah bangsa dan memartabatkan kedaulatan negara," katanya.

Abdullah menyeru kepada semua lapisan rakyat agar bersama-sama bertekad dan berazam serta sanggup menggemleng tenaga ke arah meneruskan usaha membangunkan negara supaya lebih maju, makmur, aman dan sejahtera. --

BERNAMA

MKO WNZ AHM